

TERMS AND CONDITIONS
RHB Personal Financing/-i Campaign (1 August – 31 October 2026)
("these Terms and Conditions")

Customers who are interested in participating in this campaign are advised to read and understand these Terms and Conditions before registering their participation in this campaign.

Any customer who does not understand any of these Terms and Conditions may contact RHB Customer Contact Centre, whose contact details are set out in the General Terms and Conditions clause below.

CAMPAIGN ORGANIZERS

1. **RHB Personal Financing/-i Campaign (1 August – 31 October 2026) ("Campaign")** is organised by RHB Bank Berhad [Registration No. 196501000373 (6171-M)] and RHB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200501003283 (680329-V)] (collectively, "**RHB**").

CAMPAIGN PERIOD

2. The Campaign runs from 1 August 2026 to 31 October 2026 ("**Campaign Period**"), both dates inclusive.

ELIGIBILITY

3. The Campaign is open to all eligible principal applicants who apply for RHB Private Personal Financing and RHB Private Personal Financing-i with Insurance/Takaful (collectively referred to as "**RHB PF**") during the Campaign Period (collectively, "**Eligible Participant**").
4. This Campaign applies only to RHB PF submitted through RHB's participating channel RHB Website Full Application Form ("**Participating Channels**") and meet the requirement stated below ("**Participation Criteria**") during the Campaign Period:
 - (a) Submit a new RHB PF with Insurance/Takaful through the RHB Website Full Application Form.
 - (b) Open for Malaysian citizens with MyKad only.
5. The following individuals and entities, both residents and non-residents, are not eligible to participate in the Campaign:
 - (a) Applicants who are RHB Joy@Work customers or those from the civil sector (non-federal) or pensioners
 - (b) Applicants who have submitted a lead through any other channel aside from the RHB Website Full Application Form.
 - (c) Applicants who have participated in other campaigns from other partners/online aggregators.
 - (d) Foreigners who have permanent residency in Malaysia.
 - (e) Permanent employees and contract employees of RHB Banking Group and their immediate family members; companies, commercial and corporate entities, sole proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations, societies and schools.

- (f) Committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to the Eligible Products and/or any of the facilities granted by RHB or have been declared bankrupt or subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to or during the Campaign Period.

“RHB Banking Group” means RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad and their respective affiliates, holding companies, subsidiaries, related companies/corporations, successors and assigns.

CAMPAIGN MECHANICS

6. To stand a chance of winning the rewards under the Campaign, the Eligible Participant must meet the following qualifying requirements during the Campaign Period (**“Campaign Qualifying Requirements”**):
- (a) Apply their RHB PF with Takaful/Insurance via RHB Website Full Application Form during the Campaign Period and RHB PF must be approved and disbursed on or before the 14th of the following calendar month in which the application was submitted.
 - (b) Approved and disbursed financing amount must equal or more than RM30,000.00.
 - (c) Every RM5,000 of eligible disbursed RHB PF amount entitles the applications to one (1) entry for a chance to win the cashback.
 - (d) Pay their RHB PF facility’s monthly instalment amount prior to or by the due date of the first facility tenure month.

No	Campaign Month	Disbursement Period	Criteria
1	Apply from 1 August 2026 to 31 August 2026	On or before 14 September 2026	Approved and disbursed financing amount must be equal or more than RM30,0000
2	Apply from 1 September 2026 to 30 September 2026	On or before 14 October 2026	
3	Apply from 1 October 2026 to 31 October 2026	On or before 14 November 2026	

CAMPAIGN REWARD

7. Eligible Participants who meet the Campaign Qualifying Requirements will stand a chance of winning the following rewards (each a **“Campaign Reward”**):

Application Month	Campaign Reward	Number of Winners
1 August 2026 to 31 August 2026	Cashback of RM1,000.00	10 winners
1 September 2026 to 30 September 2026		10 winners
1 October 2026 to 31 October 2026		10 winners

WINNERS SELECTION & REWARDS FULFILMENT CONDITIONS

8. Eligible Participants who fulfil the qualifying requirements as stated in Clause 6 during the Campaign Period will stand a chance to win the Campaign Rewards. RHB's winner selection system will shortlist potential winners from the pool of Eligible Participants. An Eligible Participant's chances of being shortlisted as a potential winner increase with the number of entries accumulated during the Campaign Period.
9. The tracking of eligible entry is based on the transaction date according to Malaysian Time and must appear in RHB System to be accounted for the eligible transaction.
10. Each Eligible Participant is entitled to win one (1) Campaign Reward only throughout the Campaign Period. Shortlisted Eligible Participants will receive SMS (Short Message Service) notification within four (4) to twelve (12) weeks after the 14th of the following campaign calendar month. The shortlisted Eligible Participants need to answer a question correctly via SMS at his/her own cost, within the stipulated period. The first Ten (10) shortlisted Eligible Participants who answer correctly will be selected as winner. If shortlisted Eligible Participants fail to reply to the SMS within the stipulated period, he/she will be disqualified from the Campaign and will be replaced by the next-in-line shortlisted Eligible Participant. If two or more shortlisted Eligible Participants submit their SMS simultaneously, the shortlisted Eligible Participant with the higher entries will be entitled to the prize. Should there be more than one (1) answer entry submission from the same shortlisted Eligible Participants, only the earliest answer submitted will be taken into account.
11. Fulfilment of Campaign Reward:
 - (a) RHB will send the Campaign Reward via Electronic Direct Mailer ("eDM") or SMS to the latest email address or mobile phone number of the Eligible Participant recorded in RHB's system.
 - (b) Fulfilment will be completed within twelve (12) to twentieth (20) weeks from the Disbursement Period of Campaign Month
12. It is the obligation of all the winners to contact the Bank regarding the non-receipt of the Campaign Reward by 31 March 2027, failing which the winners are deemed to have received the Campaign Reward and any claim for reimbursement after 31 March 2027 will not be processed.
13. The Bank reserves the right to terminate the Campaign Reward and/or disqualify the winners from this Campaign upon the occurrence of any of the following events:
 - (a) The winner fails, neglects or delay any monthly installment of the RHB PF at any time prior to fulfillment.
 - (b) The winner fails to pay the sum of owing under the RHB PF upon demand by Bank.
 - (c) The RHB PF facility is restructured or rescheduled or participates in any payment relief assistance programs of any nature, at any time prior to fulfillment process.
 - (d) Winner fails to provide eligible or valid contact information, or if the provided contact details are inaccurate, inactive, or unable to receive communications.
14. For the avoidance of doubt, any top-up loan/financing shall not be eligible for or entitled to participate in this Campaign.
15. Campaign Reward will be credited into winner's RHB Active Current Account/Saving Account which the RHB PF is disbursed. The winner's Current Account/Saving Account must be valid

and active, which is not closed or dormant or terminated or blocked at any time during the Campaign Period and before the crediting of Campaign Reward, are eligible for participation in the Campaign and for winning the Campaign Reward. If at any time during the Campaign Period and/or before the crediting of the Campaign Reward, the Current/Saving account becomes dormant or is closed, terminated or blocked for any reason whatsoever, the primary account holder of such RHB PF will be disqualified from the Campaign and will be replaced by the next-in-line shortlisted Eligible Participant.

16. RHB is not liable to meet the total number of winners if all attempts to select the winners have been exhausted.
17. RHB may disclose or publish the names and the last 4 digits of the identification numbers of the winners in media for the purposes of announcing the winners of this Campaign.

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

18. By participating in the Campaign, each of the Eligible Participants agrees to the following:

- (a) he/she is bound by these Terms and Conditions;
- (b) (i) by giving sufficient prior notice, RHB may:-
 - (1) Vary any of these Terms and Conditions or suspend or terminate the Campaign following the introduction of or change in any laws or regulatory requirements applicable to RHB and/or the Campaign; or
 - (2) vary any of these Terms and Conditions if, without such variation, RHB will not be able to give effect to the Campaign
- (ii) RHB may give such notice:
 - (1) by mailing such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination to the Eligible Participants;
 - (2) by sending such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination by SMS or eDM to the Eligible Participants; or
- (iii) Any Eligible Participant who is not agreeable to such variation, suspension or termination is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign.
- (c) the visuals of the rewards or prizes (each a "Campaign Reward") and all other items shown in all materials and publications related to the Campaign and on RHB's website are for illustrative and decorative purposes only and do not form part of the Campaign Rewards;
- (d) he/she is not allowed to choose the colour or design of his/her Campaign Reward (if the Campaign Reward is a good);
- (e) the Campaign Rewards cannot be transferred to any third party and cannot be exchanged for cash, credit or any other form of monetary payment;
- (f) RHB and/or its appointed vendor, supplier or agent may substitute the Campaign Rewards with another reward of similar value or specification by giving sufficient prior notice with reason(s) for such substitution in the manner as stipulated in Clause [18] (b)(ii) above;
- (g) any Eligible Participant who has cheated or committed any unlawful or fraudulent act in relation to the Campaign and/or the product(s) to which the Campaign applies, will be disqualified from the Campaign;

- (h) RHB is not responsible for the condition or any loss or deterioration of or damage to the Campaign Rewards once accepted by the Eligible Participants.

The Eligible Participants are advised to check the condition of their respective Campaign Reward before accepting the same (if the Campaign Reward is a good);

- (i) he/she is liable for all taxes and other fees and charges levied against him/her under the applicable laws, if any, for the acceptance of his/her Campaign Reward;
- (j) (i) RHB is required to obtain and process the Eligible Participants' personal information to administer the Campaign;
- (ii) by providing the personal information, the Eligible Participant has agreed to such processing by RHB; and
- (iii) any Eligible Participant who is not agreeable to such processing by RHB/RHB-i is required to notify RHB/RHB-i and will no longer be entitled to participate in the Campaign;
- (k) he/she further consents to RHB obtaining and processing his/her personal information for the purposes of cross-selling, marketing and promotions of the products and/or services of RHB Banking Group or its strategic alliances which RHB thinks may interest him/her. He/She has the option of choosing whether to receive marketing and promotional materials for the same from RHB and may choose or change his/her option by contacting RHB Customer Contact Centre / RHB-i Customer Relationship Centre as follow:

RHB Customer Contact Centre

Email : customer.service@rhbgroup.com

Telephone No. : +603-9206 8118

Form : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (l) the photographs/images together with the names of the Campaign Reward Winners may be used in RHB's announcement of the Campaign Reward Winners;
- (m) RHB is not liable for the non-receipt of, or any delay in the receipt of, any Campaign Reward Winner's Campaign Reward caused by:
- (i) the suspension or termination of the Campaign pursuant to Clause [18] (b)(i)(1) above;
- (ii) such Campaign Reward Winner's own action or inaction; or
- (iii) by any act of God, war (whether declared or not), strike, riot, civil commotion or act of terrorism which is not attributable to RHB and/or any of its employees, representatives and agents;
- (n) unless there is any manifest (obvious) error, RHB's decision on all matters relating to the Campaign is final, conclusive and binding against the Eligible Participants;
- (o) he/she may contact RHB Customer Contact Centre for all matters relating to the Campaign (including any request to change or limit the processing of his/her personal information) to RHB Customer Contact Centre;
- (p) if he/she is not satisfied with the resolution provided by RHB Customer Contact Centre and if the product(s) to which the Campaign applies is/are:

- (i) for all banking product(s) or service(s) / capital market product(s) (example, trust product, etc.) / insurance or takaful claim(s), he/she may then refer the matter to the operator of the Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) approved by Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

(Formerly known as Ombudsman for Financial Services (OFS) and Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC))

Address: Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Telephone No.: +603-2272 2811

FMOS Website: <https://www.fmos.org.my/en/>

FMOS Complaint: <https://complaint.fmos.org.my/open.php>

Handling Website

- (q) these Terms and Conditions are to be read together with the terms and conditions of the RHB PERSONAL FINANCING and RHB PERSONAL FINANCING-i which can be found at https://www.rhbggroup.com/-/media/Files/personal/loans/personal-financing/TC_PFC_VR_Eng_BM.pdf and https://www.rhbggroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/TnC/TC_PFi_SBRl.pdf ; and
- (r) in the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions will prevail for matters dealt with in these Terms and Conditions
- (s) this Campaign shall be governed by laws of Malaysia.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen Pemerolehan RHB Pembiayaan Peribadi/-i (1 Ogos – 31 Oktober 2026)
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")

Pelanggan - pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen Pemerolehan RHB Pembiayaan Peribadi/-i (1 Ogos – 31 Oktober 2026)** ("**Kempen**") dianjurkan oleh RHB Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)) dan RHB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)) disini dirujuk secara kolektif sebagai ("**RHB**").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **1 Ogos 2026 sehingga 31 Oktober 2026** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua Tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang memohon Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan Peribadi-i dengan insurans/Takaful ("**RHB PF**") semasa tempoh kempen (secara kolektif, "**Peserta-Peserta Yang Layak**").
4. Kempen ini hanya terpakai kepada permohonan RHB PF penuh yang dikemukakan melalui saluran penyertaan RHB, iaitu Borang Permohonan Penuh di Laman Web RHB dan yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ("**Syarat Penyertaan**") semasa Tempoh Kempen.
 - (a) Mengemukakan permohonan baharu RHB PF dengan Insurans/Takaful melalui Borang Permohonan Penuh di Laman Web RHB.
 - (b) Terbuka kepada warganegara Malaysia dengan MyKad sahaja.
5. Individu-individu dan entiti-entiti berikut, pemastautin dan bukan pemastautin, adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - (a) Pemohon yang merupakan pelanggan RHB Joy@Work atau daripada Sektor Awam (Bukan Persekutuan) atau merupakan pesara
 - (b) Mengemukakan permohonan Baharu RHB PF dengan Insurans/Takaful melalui Borang Pendaftaran Minat atau saluran selain Borang Permohonan Penuh di Laman Web RHB.
 - (c) Pemohon yang telah menyertai kempen lain yang dianjurkan oleh rakan kerjasama atau agregator dalam talian yang lain.
 - (d) Warga asing yang mempunyai taraf pemastautin tetap di Malaysia.

- (e) Pekerja-perkerja tetap dan pekerja-pekerja kontrak Kumpulan Perbankan RHB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka;
- (f) Melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, tidak sah atau salah berkaitan dengan produk-produk yang layak dan/atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh RHB atau telah diisytiharkan bankrup atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

“Kumpulan Perbankan RHB” bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegangan, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISMA KEMPEN

6. Bagi mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Peserta-Peserta Yang Layak dikehendaki, semasa Tempoh Kempen, mematuhi perkara-perkara berikut (**“Kriteria Kelayakan”**):
 - (a) Memohon RHB PF dengan Takaful/Insurans melalui Borang Permohonan Penuh di Laman Web RHB sepanjang Tempoh Kempen, dan permohonan RHB PF tersebut hendaklah diluluskan serta dibayarkan selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya selepas bulan permohonan dikemukakan.
 - (b) Amaun pembiayaan yang diluluskan dan dibayarkan hendaklah berjumlah RM30,000.00 atau lebih.
 - (c) Bagi setiap RM5,000 daripada amaun RHB PF yang layak dan telah dibayarkan, pemohon akan menerima satu (1) penyertaan untuk berpeluang memenangi ganjaran pulangan tunai.
 - (d) Membuat pembayaran ansuran bulanan bagi kemudahan RHB PF selewat-lewatnya pada tarikh akhir pembayaran bagi bulan pertama tempoh kemudahan pembiayaan.

No	Bulan Kempen	Tarikh Pengeluaran	Kriteria Kelayakan
1	Memohon antara 1 Ogos 2026 hingga 31 Ogos 2026	Sebelum atau pada 14 September 2026	Amaun pembiayaan yang diluluskan dan dibayarkan hendaklah berjumlah RM30,000.00 atau lebih.
2	Memohon antara 1 September 2026 to 30 September 2026	Sebelum atau pada 14 Oktober 2026	
3	Memohon antara 1 Oktober 2026 to 31 Oktober 2026	Sebelum atau pada 14 November 2026	

GANJARAN-GANJARAN KEMPEN

7. Peserta-Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan Kempen akan berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran berikut (setiap satu “**Ganjaran Kempen**”):-

Bulan Pemohonan	Ganjaran Kempen	Bilangan Pemenang
1 Ogos 2026 hingga 31 Ogos 2026	Pulangan Tunai RM1,000.00	10 pemenang
1 September 2026 to 30 September 2026		10 pemenang
1 Oktober 2026 to 31 Oktober 2026		10 pemenang

SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

8. Peserta-Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6 sepanjang Tempoh Kempen akan berpeluang memenangi ganjaran Kempen. Sistem Pemilihan Pemenang RHB akan menyenarai pemenang berpotensi daripada kumpulan Peserta-Peserta Yang Layak. Peluang seseorang Peserta-Peserta Yang Layak untuk disenarai sebagai pemenang berpotensi akan meningkat berdasarkan jumlah penyertaan yang berjaya dikumpul sepanjang Tempoh Kempen.
9. Penjejakan penyertaan yang layak dibuat berdasarkan tarikh transaksi mengikut Waktu Malaysia dan mesti muncul dalam sistem RHB untuk diambil kira bagi bilangan transaksi yang layak.
10. Setiap Peserta-Peserta Yang Layak hanya berhak memenangi satu (1) Ganjaran Kempen sepanjang Tempoh Kempen. Peserta-Peserta Yang Layak akan menerima pemberitahuan melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (Short Message Service (“SMS”)) dalam tempoh empat (4) hingga dua belas (12) minggu dari tarikh 14 haribulan pada bulan berikutnya selepas bulan permohonan dibuat. Peserta-Peserta Layak yang dipilih perlu membalas SMS tersebut dengan jawapan yang betul kepada soalan atas kos sendiri dalam tempoh yang ditetapkan. Sepuluh (10) Peserta-Peserta Yang Layak terawal yang memberikan jawapan yang betul akan dipilih sebagai pemenang. Sekiranya Peserta-Peserta Yang Layak gagal membalas SMS dalam tempoh yang ditetapkan, beliau akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen dan tempatnya akan digantikan oleh Peserta-Peserta Yang Layak seterusnya dalam senarai. Jika dua (2) atau lebih Peserta-Peserta Yang Layak menghantar SMS secara serentak, peserta yang mempunyai bilangan penyertaan yang lebih tinggi akan layak menerima hadiah. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) penghantaran jawapan oleh Peserta-Peserta Yang Layak, hanya jawapan yang diterima paling awal akan diambil kira.
11. Pemenuhan Hadiah Kempen:
- (a) RHB akan menghantar Ganjaran Kempen melalui Mel Elektronik Terus (“eDM”) atau SMS ke alamat e-mel atau Nombor telefon bimbit terkini Peserta-Peserta Yang Layak seperti yang direkodkan dalam sistem RHB.
 - (b) Ganjaran akan dihantar dalam tempoh dua belas (12) hingga dua puluh (20) minggu selepas Tarikh Pengeluaran Bulan Kempen.

12. Pemenang bertanggungjawab untuk menghubungi Bank sekiranya Ganjaran Kempen tidak diterima selewat-lewatnya pada 31 Mac 2027. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemenang dianggap telah menerima Ganjaran Kempen, dan sebarang tuntutan atau permohonan penggantian yang dikemukakan selepas 31 Mac 2027 tidak akan diproses.
13. Bank berhak untuk membatalkan pemberian Ganjaran Kempen dan/atau membatalkan kelayakan pemenang daripada menyertai Kempen ini sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:
 - (a) Pemenang gagal, abai atau tangguh bayaran ansuran bulanan RHB PF sebelum Ganjaran Kempen dikreditkan
 - (b) Pemenang gagal membayar sebarang jumlah yang dihutang di bawah RHB PF apabila dituntut oleh Bank.
 - (c) RHB PF telah distruktur semula, dijadualkan semula atau menyertai mana-mana program bantuan pembayaran dalam apa jua bentuk pada bila-bila masa sebelum proses pemberian ganjaran disempurnakan.
 - (d) Pemenang gagal memberikan maklumat hubungan yang sah atau layak, atau maklumat hubungan yang diberikan adalah tidak tepat, tidak aktif atau tidak dapat menerima sebarang komunikasi.
14. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembiayaan tambahan tidak layak untuk menyertai atau menerima manfaat di bawah Kempen ini.
15. Semua Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan RHB yang aktif milik pemenang, iaitu akaun yang digunakan untuk pengeluaran RHB PF. Akaun Semasa atau Akaun Simpanan tersebut mestilah sah dan aktif, yang tidak ditutup, tidak dorman, tidak ditamatkan atau tidak disekat pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan sebelum Ganjaran Kempen dikreditkan. Hanya akaun yang memenuhi syarat ini layak menyertai Kempen dan menerima Ganjaran Kempen. Sekiranya pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan/atau sebelum Ganjaran Kempen dikreditkan akaun tersebut menjadi dorman, ditutup, ditamatkan atau disekat atas apa-apa sebab sekalipun, pemegang akaun utama bagi RHB PF tersebut akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen dan akan digantikan oleh Peserta-Peserta Yang Layak seterusnya dalam senarai.
16. RHB tidak bertanggungjawab untuk memenuhi jumlah keseluruhan pemenang jika semua percubaan untuk memilih pemenang telah dilakukan.
17. RHB boleh mendedahkan atau menerbitkan nama-nama dan empat (4) angka terakhir nombor kad pengenalan pemenang-pemenang dalam media untuk tujuan mengumumkan pemenang-pemenang Kempen ini.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

18. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:
 - (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;

- (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:
- (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, RHB tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
- (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:
- (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui SMS atau Mesej Langsung Elektronik (Electronic Direct Message ("EDM")) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
- (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
- (c) visual-visual ganjaran atau hadiah (setiap satu "Ganjaran Kempen") dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHB adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran-Ganjaran Kempen ini;
- (d) beliau tidak dibenarkan memilih warna atau reka bentuk Ganjaran Kempen (jika Ganjaran Kempen itu adalah sesuatu barang);
- (e) Ganjaran-Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
- (f) RHB dan/atau penjual, pembekal atau ejen yang dilantiknya boleh menggantikan Ganjaran-Ganjaran Kempen itu dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi dengan sebab(-sebab) untuk penggantian tersebut mengikut cara yang ditetapkan dalam Klausa [18] (b)(ii) di atas;
- (g) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;

- (h) RHB tidak bertanggungjawab ke atas keadaan atau sebarang kehilangan atau kerosotan atau kerosakan pada Ganjaran-Ganjaran Kempen setelah diterima oleh Peserta-Peserta Yang Layak.

Peserta-Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk menyemak keadaan Ganjaran Kempen masing-masing sebelum menerima Ganjaran Kempen yang sama (jika Ganjaran Kempen adalah sesuatu barang);

- (i) beliau bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;
- (j) (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
- (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
- (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;
- (k) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB/-i

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

No. Telefon : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (l) gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pemenang Ganjaran Kempen boleh digunakan dalam pengumuman RHB tentang Pemenang-Pemenang Ganjaran Kempen;
- (m) RHB tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen Pemenang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
- (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini menurut Klausa 18(b)(i)(1) di atas;
- (ii) tindakan Pemenang Ganjaran Kempen sedemikian atau tidak bertindak; atau
- (iii) oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;

- (n) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (o) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehendak pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (p) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah
- (i) produk(-produk) atau perkhidmatan(-perkhidmatan) perbankan/produk(-produk) pasaran modal (contoh, unit amanah dan lain-lain)/tuntutan(-tuntutan) insurans atau takaful, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

(dahulu dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services (OFS) dan Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC))

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia

No 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2272 2811

No. Faksimili: +603-2272 1577

Portal FMOS: <https://www.fmos.org.my/bm/>

Portal Pengendalian: <https://complaint.fmos.org.my/open.php?lang=ms>

Aduan FMOS

- (q) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Pembiayaan Peribadi RHB and Pembiayaan Peribadi-i RHB yang boleh didapati di https://www.rhbgroup.com/-/media/Files/personal/loans/personal-financing/TC_PFC_VR_Eng_BM.pdf dan https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/TnC/TC_PFi_SBRi.pdf dan
- (r) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; dan
- (s) Kempen ini hendaklah ditadbir oleh undang-undang Malaysia.